


IMEJ helikopter tentera yang membedil perkampungan di daerah Maungdaw yang dihuni majoriti masyarakat Islam.



15-11-2016

setempat 19



HARIAN METRO

Mohd Fadly Samsudin
fadly@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“S ehingga kini, lebih 30 perkampungan terus di-serang pihak tentera, malah mereka (tentera Myanmar) turut melakukan pembunuhan kejam ke atas penduduk tidak mengira sama ada anak kecil, wanita atau orang tua,” kata Pengerusi Majlis Ulama Rohingya Malaysia, Ustaz Mohd Jaber Mohd Subahan.

Menurutnya, sejak konflik berkenaan meletus 9 Oktober lalu, masyarakat Rohingya di Malaysia terus menerima berita serangan berterusan tentera Myanmar ke atas perkampungan di daerah Maungdaw, Myanmar menyebabkan rumah penduduk kampung musnah terbakar.

“Banyak perkampungan musnah akibat dibedil peluru dilancarkan helikopter pihak



Harizan metro
15/11/16
m/s 19.

PENDUDUK kampung di kawasan Maungdaw melarikan diri.



ANTARA penduduk kampung yang dibunuh.

tentera menyebabkan penduduk melarikan diri dan terpaksa berlindung di kawasan sawah padi dan hutan.

“Berdasarkan maklumat, dianggarkan hampir 10,000 penduduk kehilangan tempat tinggal. Pihak tentera juga dengan biadab mencero-boh rumah penduduk kampung lalu merampas barangan berharga selain makanan turut dimusnahkan,” katanya.

Mohd Jaber berkata, masyarakat etnik Rohingya sebenarnya sudah lama dianiaya kerajaan tentera junta yang mahu melakukan pembersihan etnik.

“Hampir 70 tahun kami dizalimi dan kini dituduh terbabit dengan aktiviti keganasan.

“Keadaan cukup menyedihkan, saya terus menerima kiriman gambar dan video

Rohingya terus **meraung**

■ **Tentera Myanmar lancar serangan berterusan ke atas lebih 30 perkampungan Islam**

memaparkan penduduk kampung seakan-akan hilang arah tuju selepas kampung mereka dimusnahkan, semalam (kelmarin),” katanya.

Menurutnya, mayat penduduk turut ditemui mati dibunuh selain dibakar.

Katanya, komuniti pelarian Rohingya yang berada di Malaysia mengharapkan penderitaan saudara mereka mendapat pembelaan sewajarnya selain konflik itu dapat ditamatkan segera.

“Sekiranya serangan pihak tentera di sana terus berlaku sudah pasti keadaannya ber-

tambah meruncing dengan kematian penduduk yang kini berdepan kekurangan makanan.

“Antara perkampungan yang teruk terjejas di daerah Maungdaw adalah Saali Ferang, Hati-fara, Bor Gozi Bil, Chudo Gozi, Zammoinna dan Kulaar Bil,” katanya.

Mohd Jaber berkata, dia sudah menjadi pelarian di

negara ini sejak 22 tahun lalu selepas berlaku peperangan ke atas golongan ulama pada tahun 1994.

“Sejak 2012, semua masjid dan sekolah agama di sana ditutup dan masyarakat Islam tidak lagi boleh mengamalkan agama mereka.

“Golongan ulama juga ramai ditangkap dan dibunuh pada 1994. Melihatkan kepada keadaan itu, saya nekad melarikan diri

melalui Bangladesh dan memasuki Malaysia melalui Thailand,” katanya.

Sementara itu, Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) menggesa masyarakat dunia terutama ASEAN dan Pertubuhan Kerjasama Negara Islam (OIC) segera menghantar bantuan kemanusiaan ke kawasan konflik di Maungdaw.

Naib Presidennya, Ustaz Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, masyarakat dunia perlu tahu keadaan sebenar berlaku di sana dan keza-liman yang dialami rakyat

Islam Rohingya.

“Hasil maklumat diberikan, keadaan kini semakin membimbangkan.

“Ketika ini, keperluan makanan sangat diperlukan. Dalam serangan terbaru di beberapa perkampungan kelmarin, kami menerima gambar ramai penduduk melarikan diri sehelai sepinggang,” katanya.

Katanya, sokongan pihak antarabangsa sangat diperlukan supaya konflik tidak berlanjutan dan merebak ke kawasan perkampungan lain.

FAKTA

Mayat penduduk turut ditemui mati dibunuh selain dibakar